

Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab
The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs

Nur Anis Nadhira Azhar[✉], Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia
Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang hukum memakan hamster menurut perspektif Islam. Permasalahan timbul apabila tiada nas yang jelas berkenaan haiwan ini dalam sumber utama Islam, menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam kalangan masyarakat Muslim. Adakah dibolehkan untuk memakan hamster sebagaimana dibolehkan untuk memeliharanya. Walaupun pada asasnya, hamster adalah haiwan yang boleh dipelihara dan halal disentuh, namun adakah ia sesuai dijadikan sebagai makanan dan boleh dimakan? Maka objektif kajian ini adalah untuk menganalisis hukum terhadapnya daripada sudut pandangan empat mazhab sunni dan ‘ulama’ kontemporari. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan meneliti kitab-kitab fiqh, fatwa kontemporari serta laman sesawang yang boleh dipercayai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hukum memakan hamster menurut pandangan ‘ulama’ empat mazhab tidak dibahaskan hukum secara spesifik keatasnya, kerana habitat hamster bukan di tanah arab berbeza dengan spesies haiwan yang menyerupai hamster seperti *dhob*, *yarbu*’ dan *wabar* yang ada di tanah arab. ‘Ulama’ kontemporari mengeluarkan hukum dengan merujuk kepada dhawabit fiqh kehalalan dan keharaman sesuatu makanan. Hamster diqiyaskan kepada tikus kerana mempunyai ‘illah yang sama iaitu termasuk golongan haiwan yang kotor dan menjijikkan. Setiap sesuatu yang dianggap jijik dan kotor pada lumrah manusia. Maka makanan itu tidak boleh dimakan. Justeru dengan itu daging hamster tidak halal dimakan.

KATA KUNCI

Hamster, hukum, dhawabit, tikus

ABSTRACT

This article discusses the Islamic ruling on the consumption of hamsters. The issue arises due to the absence of clear textual evidence (nas) regarding this animal in the primary sources of Islam, leading to confusion among Muslims. The question is whether it is permissible to eat hamsters, just as it is permissible to keep them as pets. Although, in principle, hamsters are animals that can be kept and are permissible to touch, the issue remains whether they are suitable to be consumed as food. Therefore, the objective of this study is to analyze the ruling from the perspective of the four Sunni madhhabs and contemporary scholars. This study adopts a qualitative method by examining classical (fiqh) books, contemporary fatwas, and reliable websites. The findings show that the ruling on consuming hamsters was not specifically discussed by scholars of the four madhhabs, as hamsters do not originate from the Arab region, unlike animals such as the (dhabb), (yarbu)’, and (wabar), which are found in Arabia. Contemporary scholars derive their rulings based on the established (fiqh) principles (dhawabit) related to the permissibility or prohibition of food. Hamsters are analogically compared (qiyas) to rats, as they share the same effective cause (‘illah), namely being classified as impure and repulsive animals. Anything that is considered repugnant and filthy according to human norms is not permissible to be eaten. Therefore, hamster meat is not considered halal for consumption.

KEYWORDS

Hamsters, Islamic legal ruling, fiqh guidelines, rat

Article History

Received: July 11, 2025
Revised: August 20, 2025
Accepted: Oct 10, 2025
Published: Dec 15, 2025

✉ Contact

Nur Anis Nadhira Azhar
(Corresponding Author)
P147055@siswa.ukm.edu
u.my

Citation

Nur Anis Nadhira Azhar,
Mohd Izhar Ariff Mohd
Kashim & Nik Salida
Suhaila Nik Saleh . 2025.
Hukum Memakan
Hamster Menurut
Pandangan Empat
Mazhab. *Journal of
Contemporary Islamic
Law*. 10(2): 1-8.

Copyright

© 2025 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Islam sebagai agama yang *syumul* telah menetapkan prinsip yang jelas berkenaan status kehalalan dan keharaman dalam sesuatu pemakanan. Isu berkaitan hal pemakanan merupakan perkara yang amat penting kerana ia melibatkan aspek keimanan dan ketaatan kepada perintah Allah SWT. Memakan makanan yang halal lagi bersih adalah dituntut dan menjadi kewajipan orang Muslim. Sepertimana termaktub dalam kitab suci Al-Quran, Allah SWT berfirman dalam surah al-Nahl ayat 114:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ
كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Maksudnya, Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah dengan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata. (Surah al-Nahl, 16:114)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas jelas bahawa Allah menyeru kepada hambanya yang beriman dalam memakan makanan yang halal dan baik. Disini dapat dilihat, jika sesuatu makan yang adanya keraguan iaitu *syubhah* sebaiknya dielakkan dan menjauhinya. Hal ini kerana, setiap makanan yang dimakan akan menjadi darah daging kepada tubuh badan seseorang. Tambahan pula, jika seseorang memakan makanan yang haram dan *syubhah* maka hatinya akan menjadi gelap dan boleh membawa kepada kemungkaran dan kejahatan (Saiful Adlie, 2020).

Pada era moden kini, pelbagai jenis makanan yang tidak sepatutnya dimakan, sebagaimana haiwan eksotik seperti hamster. Permasalahan timbul apabila tiada nas yang jelas berkenaan haiwan ini dalam sumber utama Islam, menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam kalangan masyarakat Muslim. Hamster yang merupakan sejenis sub spesies tikus yang sering menjadi pilihan oleh pencinta haiwan untuk dijadikan binatang peliharaan, selain daripada kucing dan ikan. Disebabkan saiznya yang kecil, ramai yang tertarik dengan kecomelan yang ditunjukkan kerana ia mampu menghilangkan tekanan hidup serta masalah yang dihadapi dengan hanya melihatnya. Walaupun pada asasnya, hamster adalah haiwan yang boleh dipelihara dan halal disentuh, namun timbul persoalan dan tanda tanya dalam kalangan masyarakat Muslim terhadap hamster sesuai dijadikan sebagai makanan yang halal dimakan ataupun sebaliknya.

Dalam konteks ini, hamster yang tergolong dalam kumpulan haiwan mamalia kecil dan bertaring halus perlu dinilai berdasarkan ciri-ciri serta hukum yang ditentukan oleh para ulama daripada empat mazhab utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Hal ini penting bagi memastikan makanan yang diambil bukan sahaja halal malahan *toyyib*, iaitu baik untuk kesihatan dan kehidupan manusia secara menyeluruh. Hal ini adalah kerana syariat Islam amat menitikberatkan status halal dan haram dalam kalangan Muslim terhadap pengambilan sesuatu makanan. Malahan Islam melarang umatnya dalam mengambil atau memakan makanan daripada sumber yang haram dan tidak halal (Mohd Mahyeddin, 2024).

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis hukum memakan hamster menurut pandangan fuqaha daripada empat mazhab fiqh utama dan ulama kontemporari. Diharapkan kajian ini dapat memberikan pencerahan kepada masyarakat Muslim khususnya dalam mengetahui hukum memakannya.

FAKTA BERKAITAN HAMSTER

Perkataan hamster berasal daripada bahasa Jerman iaitu *hamstern* yang membawa maksud menimbun atau menyimpan makanan secara berlebihan (Eli Sahara, 2006). Menurut kamus dewan edisi keempat hamster ialah sejenis binatang kecil seakan-akan tikus yang dipelihara di rumah sebagai binatang kesayangan. Tambahan pula, hamster merupakan salah satu daripada jenis rodensia. Berbadan kecil, montok dan berbulu. Kebanyakan hamster wujud di negara Asia dan Eropah (Nurhanis, 2023). Manakala merujuk kepada kamus ma'ani bahasa arab, perkataan hamster disebut sebagai *al-qadad* dan kata gandanya *aqdad* aitu tergolong daripada haiwan jenis rodensia yang merupakan haiwan pengerat.

Menurut dari sudut saintifik hamster dikategorikan sebagai haiwan rodensia yang dalam subfamili *Cricetinae* yang mengandungi 19 spesies. Spesies hamster yang selalu dijadikan sebagai haiwan peliharaan adalah jenis hamster emas atau hamster syria *Mesocricetus auratus*. Spesies ini berasal dari Syria dan mempunyai pelbagai jenis. Habitat spesies ini ketikamana di waktu siang hari hamster suka bersembunyi di bawah tanah manakala berjaga di malam hari. Spesies ini turut banyak ditemui di negara Malaysia (Solehah Roslan, t.th).

Selain itu, menurut laman Wikipedia ada menyebutkan spesies hamster yang lain. Yang mana turut dikenali dan dijadikan haiwan peliharaan di kategorikan di bawah kategori hamster kerdil (*dwarf hamster*) iaitu hamster kerdil Campbell (*Phodopus campbelli*), hamster kerdil putih musim sejuk (*Phodopus sungorus*) dan hamster Roborovski (*Phodopus roborovskii*) dan spesies hamster yang kurang dijumpai adalah hamster Chin (*Cricetulus griseus*).

Selalu diperkatakan bahawa hamster banyak menyerupai tikus. Persamaan yang terdapat di antara hamster dan tikus adalah mempunyai dua gigi kacip yang berfungsi untuk menggigit atau mengerat makanan. Sepasang gigi kacip yang terletak di bahagian atas dan bawah mulut. Hal demikian itu dikategorikan sebagai haiwan pengerat yang sama dengan tikus, berbeza dengan arnab hanya mempunyai dua gigi kacip di bahagian atas. Dapat dilihat tikus dan hamster lebih mempunyai persamaan yang sama dalam kategori haiwan rodensia berbanding haiwan yang lain (Rahmat, 2022).

Sedangkan setelah diteliti hamster dan tikus mempunyai banyak perbezaan. Terdapat beberapa perbezaan utama yang membezakan hamster daripada tikus adalah saiz bentuk badan hamster lebih besar berbanding daripada tikus. Hamster memiliki pelbagai warna sedangkan tikus cenderung kepada warna coklat dan kelabu sahaja. Ciri yang terdapat pada hamster mempunyai kaki dan ekor pendek, badan yang lebar dan mempunyai mata dan telinga yang lebih kecil daripada tikus. Sedangkan tikus mempunyai ekor yang lebih panjang dan badan yang lebih kecil. Dari segi pemakanan hamster mempunyai makanan yang lebih lengkap seperti memakan pelet jerami, buah-buahan segar dan biji benih, malahan tikus sebagai haiwan bersifat omnivor yang memakan pelbagai jenis makanan (Nurhanis, 2023). Dapat disimpulkan bahawa hamster dan tikus mempunyai perbezaan yang ketara.

DHAWABIT PENENTUAN STATUS HAIWAN

Penentuan hukum halal dan haram terhadap haiwan adalah sejajar dengan panduan yang ditetapkan oleh Syariah, berlandaskan kepada dalil nas syarak. Sepertimana dalam hadith riwayat daripada Abu al-Darda' bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ما أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ حَلَالٌ، وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ، وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَمُّو

Maksudnya: Apa yang Allah SWT halalkan dalam kitab-Nya, maka ia adalah halal. Apa yang Allah SWT haramkan, maka ia adalah haram, dan apa yang didiamkan mengenainya, maka ia adalah dimaafkan.. (Riwayat al-Tabarani dalam Musnad al-Syamiyyin, no.2102)

Berdasarkan hadith di atas, imam ibnu 'Uthaymīn dalam kitabnya *Fatawa Nur 'ala al-Darb* menukulkan bahawa hukum asal bagi seluruh haiwan adalah halal sehinggalah datang dalil keharaman terhadap haiwan itu.

Setersunya, merujuk dalam kitab *al-Fiqh al-Manhajī 'ala Mazhab al-Imam al-Shāfi'ī*, terdapat kaedah tertentu yang boleh digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu haiwan itu halal atau haram dimakan. Iaitu jika sesuatu haiwan itu dianggap baik dan dimakan oleh bangsa Arab ketika mereka hidup dalam keadaan biasa dan selesa, termasuk pada zaman Rasulullah SAW, maka haiwan itu dianggap halal (al-Khin, 2007). Tambahan menurut imam al-Nawawi dalam kitabnya ada menyebutkan bahawa makanan yang dimakan oleh orang arab dan menjadi adat kebiasaan mereka adalah halal selagi mana tidak ada dalil yang mengharamkannya. Manakala makanan yang tidak dimakan oleh mereka kerana menjijikkan atau dianggap jijik adalah haram.

Sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 157:

وَيُجِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ

Maksudnya: Dia menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk. (Surah al-A'raf, 7:157)

Menurut tafsiran imam (al-Maraghi, 2001) menjelaskan bahawa perkataan *attoyyibat* adalah makanan yang berzat dan berkhasiat serta dianggap baik dan mempunyai keinginan oleh manusia untuk memakannya (Mushfique, 2018). Manakala perkataan *alkhobaiith* membawa maksud melarang ke atas sesuatu makanan yang

dianggap jijik dan tiada keinginan manusia untuk memakannya. Menurut tafsiran syeikh Ibn Hajar al-Haytami dimaksudkan dengan apa yang baik adalah diharuskan ke atas makanan yang memberi manfaat kepada akal fikiran dan akhlak manusia. Sebaliknya apa yang buruk ialah makanan yang memberikan kemudharatan kepada akal fikiran dan akhlak manusia (al-Ruba'i, 2008).

Merujuk kepada kitab yang dikarang oleh Dr. Waleed Khalid al-Ruba'i. Kitab *Ahkām al-Aṭ'imah fī al-Fiqh al-Islāmī* mengatakan bahawa para ulama fuqaha telah memberikan pengecualian ke atas makanan yang dibolehkan dan diharamkan untuk memakan. Pengharaman terhadap sesuatu makanan terletak di bawah beberapa kaedah. Terdapat empat kaedah utama terjadinya pengharaman ke atas sesuatu makanan iaitu:

- 1) Kaedah pertama: Kategori haiwan yang disebut secara jelas dalam nas al-Quran atau Sunnah akan pengharamannya, seperti bangkai, darah dan daging babi. Sebagaimana yang dikatakan oleh Syeikh Ibn Taimiyyah: "Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas perkara-perkara yang buruk kerana kemudaratannya, dan Allah menghalalkan perkara yang baik demi kebaikan manusia. Maka tidak ada dalam syariat ini sesuatu yang diharamkan padahal manfaatnya lebih besar dari mudaratnya. Bahkan, apa-apa yang lebih besar manfaatnya tidak diharamkan, dan apa yang lebih besar mudaratnya tidak dibolehkan, apatah lagi ia diharamkan dua kali. Justeru, bangkai, darah dan daging babi diharamkan kerana mudaratnya seperti mendatangkan bahaya kepada akal dan badan manusia.
- 2) Kaedah kedua: Kategori haiwan yang diperintahkan dan disunatkan untuk dibunuh. Iaitu ular, kala jengking, gagak, helang, tikus, anjing liar dan semua haiwan liar yang memudharatkan. Haiwan tersebut adalah haram dimakan sama ada dianggap elok dan baik oleh orang Arab ataupun sebaliknya. Seperti mana yang terdapat dalam hadith yang

diriwayatkan oleh imam al Bukhari daripada Saidatina Aisyah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُقْتَلْنَ فِي الْحَرَمِ الْفَأْرَةُ وَالْعَقْرَبُ وَالْحَدَّابِيَا
وَالْعُرَابُ وَالْكَلْبُ الْعُقُورُ

Maksudnya: "Lima haiwan fasiq dan boleh dibunuh di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, dan anjing gila atau ganas." (Riwayat al -Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab Bad' al-Khalq, Bāb Khamsun min al-Dawwāb Fawāsiqun Yuqatalna fī al-Ḥaram, no. 3314).

Sepertimana imam ibnu hajar al asqalani ada menukikan perkataan *fasiq* pada kategori haiwan yang mempunyai sifat yang membawa kemudharatan, kehinaan dan kemusnahan kepada manusia.

- 3) Kaedah ketiga: Kategori haiwan yang dilarang daripada membunuhnya seperti semut, lebah, burung hud-hud dan seumpamanya.
- 4) Kaedah keempat: Kategori yang mana haiwan yang dianggap kotor dan jijik, yang mana jiwa perasaan manusia merasa jijik dan menjauhinya.

Di samping itu, merujuk dalam kitab *fiqh al manhaji* ada menyebutkan bahawa kategori haiwan yang buas yang mempunyai taring yang kuat untuk menangkap mangsa adalah haram dimakan. Iaitu seperti anjing, babi, serigala, beruang, kucing, *ibn awi* iaitu sejenis binatang yang besar sedikit daripada musang dan lebih kecil daripada anjing dan mempunyai kuku yang panjang, gajah, singa, harimau, kera dan seumpamanya adalah haram dimakan. Selain itu, kategori burung yang haram dimakan ialah yang mempunyai kuku yang kuat dan boleh melukakan, seperti burung helang. rajawali dan seumpamanya (Mushfiq, 2018). Berlandaskan kepada hadith Rasulullah SAW daripada Ibnu 'Abbas RA:

هَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ
مِنَ السَّبَّاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مَجْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ

Maksudnya: Rasulullah SAW melarang memakan setiap binatang buas yang bertaring dan setiap

jenis burung yang mempunyai kuku untuk mencengkam (Riwayat Muslim, Hadith Sohih Muslim, Kitab al-Sayd wa al-Dhabā'ih wa Mā Yu'kalu mina al-Hayawān, Bab Tahrim Akli Kulli Dhī Nābin mina al-Sibā'i wa Kulli Dhī Mikhla bin mina al-Ṭayr, no.1934).

Seterusnya kaedah dalam penentuan kategori haiwan yang halal dimakan mengikut pandangan fuqaha adalah semua haiwan yang dianggap elok dan baik oleh bangsa arab pada zaman Rasulullah SAW adalah halal. Iaitu semua jenis ikan yang ada di laut dan binatang ternakan *al-an'am* seperti unta, lembu, kambing, biri-biri, kuda dan seladang (al-Khin, 2007). Berlandaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 1:

أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ

Maksudnya: Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Surah al-Maidah, 5:1)

Dapat disimpulkan bahawa para fuqaha telah mendatangkan beberapa *dhawabit* yang boleh dijadikan sebagai petunjuk kepada seluruh umat Islam dalam mengaplikasikan suruhan Allah SWT dalam mencari sumber makanan yang halal dan menjauhi kepada yang haram khususnya yang bersumberkan haiwan. Kategori haiwan seperti ikan dan binatang ternakan yang dianggap baik oleh bangsa Arab adalah dihalalkan kepada umat Islam manakala semua haiwan buas yang mempunyai taring yang kuat untuk menangkap mangsa adalah haram. Selain itu, semua haiwan yang disunatkan bunuh adalah haram untuk dimakan oleh umat Islam. Dengan itu, sebagai umat Islam yang patuh terhadap penciptanya, wajarlah untuk mengikut *dhawabit* yang telah digariskan bagi memudahkan dalam mengikut perintah Allah SWT.

PANDANGAN FUQAHA TERHADAP HUKUM MEMAKAN HAMSTER

Melihat kepada fatwa Malaysia yang dinaqalkan oleh Dr. Zulkifli al-Bakri mengenai hukum memakan hamster yang merujuk dalam *Al-*

Mausu'ah Al-fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah mengatakan bahawa hamster tergolong dalam jenis haiwan *hasyarat al-ard* iaitu haiwan kecil yang melata di bumi dan kemungkinan merupakan haiwan kecil perosak. Seperti serangga, tikus, lipas dan seumpamanya. Maka terdapat dua pendapat fuqaha mengenai hukum memakan haiwan *hasyarat*. Pendapat pertama pandangan yang mengharamkan memakan *hasyarat* dan pendapat kedua pandangan yang menghalalkan memakan *hasyarat*.

Pandangan Fuqaha Yang Mengharamkan

Pendapat pertama daripada mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali menyatakan semua *hasyarat* adalah haram dimakan kerana dianggap sebagai haiwan yang jijik dan kotor. Terdapat pengecualian terhadap kategori *hasyarat* iaitu belalang. Sepakat ulama di atas menghalalkan memakannya. Selain itu beberapa jenis kategori *hasyarat* yang dihalalkan memakannya sepertimana Mazhab Syafi'i dan Hanbali menghalalkan memakan *dhab* iaitu biawak yang berada di tanah arab. Mazhab Hanbali turut menghalalkan memakan jerboa dan hyrax atau nama arabnya *yarb'u* dan *wabar*. Yang mana haiwan ini juga turut berada di tanah arab yang seakan-akan menyerupai hamster dan tikus dalam kategori haiwan rodensia. Tambahan pula, mazhab Syafi'i menambahkan selain jerboa dan hyrax turut mengecualikan *ummu hubain* iaitu trapelus, landak dan haiwan weasel dikenali nama arabnya *bint 'irs*. Selain itu, daripada pendapat imam al-Nawawi ada menyatakan bahawa Mazhab al-Syafi'i, Hanafi, Hanbali dan imam Daud mengharamkan memakannya. Dalil yang mengharamkan memakan haiwan tersebut berlandaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-'Araf ayat 157 iaitu mengharamkan ke atas segala benda yang kotor dan keji. Sepertimana haiwan *hasyarat* ini tergolong dalam haiwan perosak dan melata di bumi.

Pandangan Fuqaha Yang Menghalalkan

Sebaliknya, pendapat kedua iaitu pendapat mazhab Maliki yang berpandangan bahawa haiwan *hasyarat* adalah halal dimakan. Keharusan memakannya adalah berlandaskan kepada dalil al-quran surah al-An'aam ayat 145 yang berbunyi:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ
إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi. (Surah al-An'aam, 6:145)

Selain itu, terdapat juga hadith riwayat Abu Daud daripada al-Talib bin Tha'labah al-Tamimi RA, beliau berkata:

صَحِبْتُ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَلَمْ أَسْمَعْ
لِحَشْرَةَ الْأَرْضِ تَحْرِمًا

Maksudnya: Aku telah bersahabat dengan Nabi SAW dan tidak mendengar mengenai pengharaman hasyarat (serangga dan haiwan kecil yang melata). (Riwayat Abu Daud, Kitāb al-Aṭ'imah, Bāb Mā Lam Yuzkar Tahrimu, no.3798).

Berdasarkan dua dalil yang dikemukakan oleh mengharuskan memakan *hasyarat*. Imam al-Nawawi dalam kitab *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab* telah menjawab hujah tersebut. Beliau menyatakan bahawa berkenaan dengan ayat al-Qur'an yang dijadikan sandaran itu, Imam al-Syafi'i dan para ulama lain berpendapat bahawa maksudnya adalah berkaitan dengan makanan yang biasa dimakan oleh manusia dan dianggap tidak jijik. Imam al-Syafi'i turut menyatakan bahawa tafsiran tersebut lebih aula kerana ia selari dengan petunjuk dan dalil-dalil daripada al-Sunnah. Manakala berkenaan hadith yang diriwayatkan oleh al-Talib, walaupun hadis itu sahih, ia tetap tidak boleh dijadikan hujah yang kukuh dalam perkara ini. Hal ini kerana kenyataan perawi bahawa beliau tidak pernah mendengar larangan terhadap memakan *hasyarat*. tidak semestinya bermakna sahabat-sahabat lain juga tidak pernah mendengarnya. Maka, hadis itu tidak cukup kuat untuk membuktikan hukum keharusan secara umum.

Seterusnya merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Darul Ifta' Jordan ke atas hukum memakan hamster. Mengatakan bahawa hamster ialah haiwan kecil dari

spesies rodensia seperti tikus, yang banyak dipelihara di negara barat seperti Eropah dan Amerika Utara. Ia tidak disebut secara khusus dalam kitab-kitab fiqh terdahulu kerana hamster dikenali selepas kurun ke-19 Masihi. Namun begitu, memandangkan hamster termasuk dalam kategori tikus, maka hukum memakannya adalah haram sebagaimana haramnya memakan tikus dalam Islam. Imam Jalaluddin al-Mahali menyatakan bahawa semua jenis tikus diharamkan untuk dimakan, kecuali *yarb'u* sejenis tikus padang pasir yang dihalalkan oleh sebahagian ulama berdasarkan amalan sahabat dan kebiasaan masyarakat Arab memakannya. Oleh itu, Dar al-Ifta' Jordan memutuskan bahawa memakan hamster adalah haram kerana ia tergolong dalam kategori tikus yang diperintahkan untuk dibunuh dan bukan termasuk dalam haiwan yang dianggap baik dan bersih *toyibat* untuk dimakan. Maka, ia tidak termasuk dalam perkara yang *maskūt 'anhu* didiamkan hukumnya lalu kembali kepada kaedah asal sesuatu adalah harus, sebaliknya ia telah diqiyaskan dengan hukum tikus secara jelas. *Wallahu'alam*.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa hukum memakan hamster adalah dilarang kerana telah diqiyaskan dengan tikus sepertimana merujuk kepada fatwa yang telah dikeluarkan oleh Darul Ifta'. Hal ini kerana pandangan ulama empat mazhab tidak membincangkan tentang hukum keatasnya kerana hamster tidak dijumpai di tanah arab, berbeza dengan haiwan yang spesis dengan hamster yang wujud di tanah arab seperti *yarb'u* dan *wabar* yang memang wujud di tanah arab. Pandangan ulama kontemporari menqiyaskan hamster dengan tikus kerana *'illah* yang sama iaitu termasuk dalam haiwan yang kotor *khobaiḥ* dan termasuk golongan haiwan *hasyarat*. Sepertimana sesuatu makanan yang dianggap kotor dan dirasakan jijik pada tabiat manusia adalah haram dimakan.

Tambahan merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan terhadap isu ini, Dr. Zulkifli al-Bakri ada menukilkan bahawa hukum

memakan hamster adalah diharamkan kerana haiwan tersebut tergolong dalam golongan hasyarat yang mana majoriti fuqaha mengharamkan memakannya. Walaupun terdapat pandangan mazhab Maliki yang menghalalkan memakannya tetapi lebih baik dielakkan.

Bahkan melihat kepada sudut pemeliharanya juga, hamster yang turut dijadikan haiwan peliharaan dalam kalangan masyarakat Muslim sepertimana perbuatan yang tidak asing dalam memelihara kucing. Tetapi hal ini berbeza dengan kucing lebih baik untuk memeliharanya berbanding hamster yang terdapat keraguan yang menyerupai tikus. Malahan dalam laman web Dr. Zulkifli al-Bakri berkaitan tajuk pelihara hamster telah menukilkan dan mencadangkan bahawa, lebih baik tinggalkan pemeliharaan ke atas hamster serta menghindari perkara yang ada keraguan dan *syubhah*. Sebaiknya meninggalkan ke atas sesuatu perkara yang ada keraguan lebih baik ditinggalkan. Bertepatan dengan hadith yang berbunyi:

دَعِ مَا يَرِيْبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيْبُكَ

Maksudnya: Tinggalkanlah apa yang meragukanmu kepada tidak meragukanmu (Hadith Riwayat Tirmizi, no.2518).

Tambahan juga walaupun hamster diperkatakan menyerupai tikus, yang merupakan golongan haiwan yang sunat dibunuh tetapi hamster sebaliknya hamster dilarang membunuh ke atasnya melainkan jika ia mendatangkan kemudharatan dan kerosakan yang mengganggu manusia.

Oleh itu, masyarakat Islam perlu mengambil tahu tentang kehalalan dan keharaman dalam sesuatu makanan. Terutama berkaitan isu pemakanan yang baru seperti haiwan eksotik yang sering diamalkan oleh masyarakat barat. Artikel ini ditulis sebagai usaha menyebarkan maklumat dan pengetahuan baru kepada masyarakat Islam khususnya terhadap hukum memakan hamster.

RUJUKAN

- Al-Quran
Adakah hamster seekor tikus. (2015, November 19). <https://hamstermy89.blogspot.com/2015/11/info-adakah-hamster-seekor-tikus.html>
- Al- Kafi #1412: Haiwan yang harus dibunuh dalam Islam.(2019, November 10). <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3774-al-kafi-1412-haiwan-yang-harus-dibunuh-dalam-islam>
- Al-Kafi #687: Haiwan haiwan yang haram untuk dimakan di dalam Islam. (2018, Januari 10). <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2210-al-kafi-687-haiwan-haiwan-yang-haram-untuk-dimakan-di-dalam-islam>
- al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Al-Syarbaji, A. (2007). *Al-Fiqh al-Manhaji ala al-Mazhab al-Imam al-Syafi'e*. Dimasyq: Darul Qalam.
- al-maraghi. (2001). *Tafsir al-maraghi*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi. (t.th). *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab* Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Nawawi. (t.th). *Minhāj al-Ṭālibīn wa'Umdah al-Muḥtāj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Zuhaili. (2007). *'Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Syria: Darul Qalam.
- Darul Ifta'. (2023, Disember 26). *Islamic Ruling on Eating Hamster Meat*. <https://www.aliftaa.jo/research-fatwa-english/3847/What-is-the-ruling-of-Sharia-on-eating-hamster-meat-Is-it-considered-among-the>
- Eli Sahara. (2006). *Hamster*. Program Pengajian Nutrisi dan Makanan Ternakan, Fakulti Pertanian, Universiti Sriwijaya (Unsri).
- Ibn 'Uthaymīn. (t.th.) *Fatawa Nur 'ala al-Darb*.
- Ibn Hajar al-Haytami. (t.th.). *Al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyyah*. Beirut: Darul Sodir.
- Ibn Hajar al-Asqalani. (t.th.). *Fath al-Bārī fi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Irsyad Hukum Siri ke-538: Hukum memakan daging yang disangkakan halal kemudian berlaku syubhah. Pejabat Mufti WilayahPersekutuan. (2020, Disember 30). <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/4641-irsyad-al-fatwa-siri-ke-538-hukum-memakan-daging-yang-disangkakan-halal-kemudian-berlaku-syubhah>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Ma'ani. (t.th.). Hamster. <https://www.almaany.com/en/dict/ar-en/hamster/>
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, M. a. M., Mustafa 'Afifi Ab. Halim, Mohammad Najib Jaffar & Nur Aida Md Tamrin. (2024). Analisis Pengkategorian Spesis Haiwan Menerusi Kitab Kifāyah Al-Muhtadī Karya Syeikh Muhammad Nur Al-Faṭānī: Perspektif Halal dan Zoologi. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 12(02).
- Muhammad Bakar Ismail. (t.th.). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah Baina Al-Asalah Wa Al- Taujih*. Mesir. Dar al-Manar.
- Nurhanis. (2023, Jun 8). Hukum memakan hamster dalam Islam. *Hukum Memakan Hamster Dalam Islam - Siakap Keli*
- Rahmat. (2022). Jual Beli Hamster dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Journal of Economic and Islamic Research Vol. 1, No. 1*.

- Solehah Roslan. (t.th.) Pengenalan Hamster. <https://www.scribd.com/document/222002465/Pengenalan-hamster>
- Waleed Khalid al-Ruba'i. (2008). *Aḥkām al-Aṭ'imah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Jordan: Darul Al-Nafaes.
- Wikipedia The Free Encyclopedia. (2025, Mei 25). Hamster. <https://en.wikipedia.org/wiki/Hamster>
- Zulkifli Al Bakri. (2022, March 30). Peliharaan Hamster. <https://zulkiflialbakri.com/803-peliharaan-hamster/>

Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 10 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2025



Published by:
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



KANDUNGAN / CONTENTS

Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab <i>The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs</i> Nur Anis Nadhira Azhar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	1-8
Aplikasi Fatwa Kontemporari Terhadap Produk Makanan Moden <i>The Application of Contemporary Fatwas on Modern Food Products</i> Nur Aqila Mohd Zahari, Nur Ain Nabihah Nasharuddin, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	9-19
Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur <i>Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review</i> Nurlailatul Akma Abu Bakar, Ahmad Dahlan Salleh	20-28
الزكاة كأداة استراتيجية لتحقيق التنمية المستدامة في سلطنة عُمان: نحو تكامل اقتصادى واجتماعى مع رؤية عُمان ٢٠٤٠ <i>Zakat as a Strategic Tool for Achieving Sustainable Development in the Sultanate of Oman: Towards Economic and Social Integration with Oman Vision 2040</i> Badriya Ahmed Mahmood Al Rawahi, Nurul Ilyana Muhd Adnan & Mohammad Zaini Yahaya	29-36
Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam <i>Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance: A Review from an Islamic Perspective</i> Maizatul Aliya Hairunnizam, Wafaa' binti Yusof	37-46
Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam <i>The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence</i> Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan & Wafaa' Yusof	47-61
Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia <i>Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards Children in Lembah Klang, Malaysia</i> Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail	62-70
Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai <i>Microcredit Based on Cash Waqf Funds</i> Mohammad Zaini Yahaya, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin	71-82
Harmonising Shariah Principles on Debt Recovery Practices of Islamic Banks with Regulations Related to Authorised Debt Management Agency in Malaysia Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, Muhammad Zuhaili Muda & Mohammad Hafiz Mohd Zaki	83-91

Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia <i>Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia</i> Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda	92-103
Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran <i>Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges</i> Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram	104-109